

## BAB EMPAT

### Upah Buruh Dan Penyewaan Tanah Pertanian

#### 4.1 Pendahuluan

Tanah dan buruh adalah dua komponen penting dalam aktiviti pertanian. Kerja-kerja pertanian merupakan kerja yang melibatkan beberapa peringkat bermula dari pembersihan tanah, penanaman pokok, penjagaan tanaman, mengutip hasil tanaman, memproses hasil tanaman dan sebagainya. Oleh itu pada kebiasaannya, petani akan mengupah orang lain untuk menyempurnakan kerja-kerja pertanian walaupun mereka adalah petani sepenuh masa.

Bagi menambah hasil keluaran pertanian, keluasan tanah juga amat penting. Oleh itu selain memiliki tanah pertanian sendiri ada juga petani yang akan menyewa tanah dari pihak lain untuk memperbanyakkan hasil tanaman mereka.

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan tentang pandangan para sarjana Islam terhadap amalan upah buruh dan penyewaan tanah pertanian. Oleh sebab penyewaan tanah dan upah buruh dibincangkan oleh para sarjana Islam di bawah konsep *ijārah*, penyelidik akan membincangkan serba sedikit tentang konsep *ijārah* dan seterusnya akan mengkhususkan perbincangan kepada upah buruh dan bentuk-bentuk penyewaan tanah dari perspektif Islam.

## 4.2 Ijārah

*Ijārah* merujuk kepada balasan, iaitu balasan kepada pekerjaan dan balasan kepada manfaat penggunaan barangan orang lain. Contohnya Allah memberi balasan pahala atas amalan soleh. Dalam amalan yang biasa antara contoh *ijārah* ialah bayaran wang untuk sewaan rumah (Ibn Manzūr, 1990, jil. 4 : 10-11).

Perkataan *ijārah* selalunya digunakan untuk perbuatan menggunakan manfaat barang atau perkhidmatan seseorang. Bagi penggunaan manfaat barang pula dikenali sebagai sewa dan menggunakan perkhidmatan seseorang dinamakan upah kerja. Dalam istilah fiqh dinamakan sebagai jual beli manfaat. Secara khususnya dalam aktiviti pertanian *ijārah* berlaku dalam dua situasi iaitu apabila:

- i. Petani menyewa tanah pertanian; dan
- ii. Petani menyewa atau mengupah buruh untuk melakukan kerja-kerja pertanian. Contohnya dalam aktiviti penanaman padi petani mengupah buruh untuk membajak tanah, meracun, mengangkut padi ke kilang pemprosesan dan sebagainya.

Al-Kāsānī (1998, jil. 4 : 16-17) mentakrifkan sewa atau upah sebagai kontrak jual beli ke atas manfaat dengan bayaran ganti. Bayaran upah atau sewa adalah ganti kepada manfaat yang diterima. Oleh itu kontrak *ijārah* ini boleh dilakukan ke atas manfaat barangan ataupun kerja atau perkhidmatan. Manfaat yang diterima ialah seperti “tempat tinggal” bagi rumah, “pertanian” untuk tanah pertanian, “pengangkutan” bagi kenderaan, “perkhidmatan” bagi buruh dan sebagainya.

Al-Dusūqī (1996, jil. 5 : 334) memberikan takrif *ijārah* sebagai pemberian milik manfaat sesuatu barang yang diharuskan bagi suatu jangka masa yang tertentu dengan tukaran atau bayaran ganti. Bagi membezakan antara penyewaan tenaga manusia dan barangan yang boleh alih dan tidak boleh alih, istilah *ijārah* digunakan bagi penyewaan tenaga manusia dan juga bagi barangan yang boleh dipindahkan, kecuali sampan dan binatang. Istilah *kirā’* pula digunakan bagi penyewaan barangan yang tidak boleh

dipindahkan seperti rumah dan tanah serta barangan yang boleh dipindahkan iaitu sampan dan binatang.

Ibn Qudāmah ( 1997, jil. 8 : 7) mentakrifkan *ijārah* sebagai jual beli manfaat apabila salah seorang yang berakad berhak mendapat manfaat barangan dan seorang lagi berhak mendapat ganti bayaran. Manfaat yang diterima sama seperti barangan yang dimiliki apabila berlakunya jual beli.

Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī (1997, jil. 2 : 427-429) mentakrifkan *ijārah* sebagai kontrak ke atas sesuatu manfaat yang dikehendaki dan diketahui yang harus dapat digunakan dan keharusan tersebut ialah dengan tukaran atau bayaran ganti yang tertentu. Takrifan ini digunakan untuk dua situasi iaitu :

- i. Mengupah seseorang untuk melakukan pekerjaan, orang yang mengupah dipanggil *musta'jir* dan orang yang mengambil upah dipanggil *ājir*. Upah yang diberikan kepada *ājir* dipanggil *ujrah*; dan
- ii. Jenis *ijārah* yang kedua ialah menyewakan manfaat sesuatu barangan dengan tukaran bayaran sewa. Orang yang memberi sewa dipanggil *mu'jir*, orang yang menyewa dipanggil *musta'jir*, dan bayaran sewa dipanggil *ujrah*. *Ijārah* manfaat barangan ini sama seperti jual beli cuma bagi akad jual beli barangan akan berpindah milik, sedangkan bagi *ijārah* hanyalah menggunakan manfaat barangan tanpa memindahkan hak milik barangan.

#### 4.3 Upah Buruh Pertanian

Upah buruh pertanian di dalam Islam boleh dilakukan atas dasar kontrak *ijārah* di mana buruh diminta melakukan kerja-kerja tertentu berkaitan penanaman, pembersihan tanah, menuai hasil tanaman dan sebagainya. Upah yang akan dibayar oleh tuan tanah pula adalah dalam bentuk barangan yang berharga seperti wang dan sebagainya.

Selain itu tuan tanah boleh juga mengupah buruh untuk melakukan kerja-kerja pertanian atas asas kontrak *musāqāt*. Bagi upah buruh atas dasar kontrak *musāqāt* pula, buruh akan dibayar upah daripada hasil tanaman yang akan diperolehi daripada tanaman yang dijaga dan dipeliharanya. Kerja yang hendak dilakukan oleh buruh juga khusus kepada kerja-kerja berkaitan penyiraman dan penjagaan pokok yang telah ditanam.

#### 4.3.1 Upah Buruh Atas Dasar Kontrak *Ijārah*

Upah buruh pertanian dilakukan apabila tuan tanah atau petani mengupah orang lain untuk mengerjakan pertanian yang diusahakannya. Buruh tersebut akan diberi upah sebagai bayaran menggunakan tenaganya untuk mengerjakan pekerjaan berkaitan pertanian. Sewa buruh atau upah buruh untuk melakukan kerja-kerja pertanian adalah sama konsepnya dengan mengupah buruh untuk mengerjakan pekerjaan-pekerjaan lain. Antara dalil yang membolehkan buruh diupah untuk melakukan pekerjaan ialah firman Allah yang bermaksud (Al-Qiṣaṣ : 26-27):

Salah seorang antara perempuan yang berdua itu berkata, "Wahai ayahku ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita) sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah." Bapa perempuan itu berkata (kepada Mūsā) "Aku hendak mengahwinkanmu dengan anak perempuanku ini dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama lapan tahun dalam pada itu jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri. Dan ingatlah aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu engkau akan dapati aku Insya-Allah dari orang-orang yang baik layanannya."

Ibn Majah melaporkan daripada ʿUtbah bin Al-Nudar bahawa ketika kami bersama-sama Rasulullah ṢAW, baginda telah membaca ayat satu surah Al-Qiṣaṣ iaitu ayat Tā Sīn Mīm sehingga kisah Nabi Mūsā di atas. Lalu baginda bersabda "Sesungguhnya Mūsā telah memberi khidmat kerja selama lapan atau sepuluh tahun untuk bayaran mahar isterinya dan makanannya" (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 8 : ).

Rasulullah ﷺ juga bersabda yang bermaksud (Ibn Mājah, t.t : 817):

Berikanlah upah orang yang kamu upah sebelum kering peluhnya.

Dalil ini menunjukkan seseorang boleh diupah untuk melakukan pekerjaan. Ringkasnya dalam Islam diperakui konsep upah tenaga kerja. Oleh itu petani boleh mengupah orang lain untuk melakukan kerja-kerja pertanian seperti membajak, meracun, membaiki parit dan sebagainya.

#### 4.3.1.1 Bentuk Bayaran Upah Atas Dasar Kontrak *Ijārah*

Menurut Al-Kāsānī (1998, jil. 4 : 48), bayaran upah dalam kontrak *ijārah* adalah sama kedudukannya dengan “harga” dalam kontrak jual beli. Oleh itu apa jua yang boleh dijadikan bayaran harga dalam kontrak jual beli boleh juga dijadikan bayaran upah dalam kontrak *ijārah*. Oleh itu orang yang mengupah seseorang atas asas kontrak *ijārah* hendaklah memaklumkan kepada pekerja yang diupahnya tentang kadar bayaran upahnya. Ini adalah berdasarkan ḥadith Rasulullah ﷺ yang bermaksud (Ahmad, t.t, jil. 3 : 59):

Sesiapa yang mengupah seseorang hendaklah diberitahu kepadanya tentang upahnya.

Oleh itu, sekiranya seorang petani mengupah seorang buruh untuk membajak sawahnya atau melakukan sebarang pekerjaan dia hendaklah memberitahu tentang upah yang akan dibayar kepada buruh tersebut. Bayaran upah tersebut boleh berupa wang atau sebarang benda yang berharga dan bermanfaat.

#### 4.3.2 Upah Buruh Atas Dasar Kontrak *Musāqāt*

Upah buruh atas dasar kontrak *musāqāt* adalah khusus untuk bidang pertanian. Ini kerana perkataan *musāqāt* adalah kata terbitan atas wazan *mufāʿalat* dari perkataan

*sāqā* bermaksud transaksi dalam pengairan. Upah kerja yang dilakukan merupakan satu kontrak kerja dengan upah berdasarkan hasil tanaman yang lebih dikenali sebagai *al-mufāmalat* di kalangan penduduk Iraq (Ibn Manzūr, 1994, jil. 14 : 394). Ciri-ciri istimewa upah buruh atas dasar kontrak *musāqāt* ialah:

- i. Tanaman yang hendak dijaga oleh petani telah sedia tumbuh;
- ii. Kerja khusus buruh ialah berkaitan menjaga pengairan dan berkaitan penjagaan pokok; dan
- iii. Upah buruh ialah hasil daripada tanaman yang dijaganya.

Menurut Al-Dusūqī (1996, jil. 5 : 315) dinamakan *al-musāqāt* kerana melibatkan kontrak antara petani dan tuan punya kebun yang memerlukan khidmat petani untuk menyirami pokok-pokok di kebunnya serta kerja-kerja lain yang berkaitan penjagaan pokok. Bayaran upah kerja kepada petani ialah hasil pertanian daripada tanaman yang dijaga oleh petani.

Ibn ʿĀbidīn (1998, jil. 9, 344-345) mendefinisikannya sebagai penyerahan kebun kurma, anggur dan sebagainya kepada petani untuk diteroka dan dijaga dengan ketentuan bahawa petani akan mendapat bahagian tertentu daripada hasil kebun tersebut.

Al-Syāfiʿī (2001, jil. 4 : 274-275) pula mendefinisikan *al-musāqāt* sebagai kontrak antara petani dan tuan tanah untuk memberi tanggungjawab kepada petani menguruskan kebun kurma dan anggur sahaja dengan cara mengairi serta menjaganya. Hasil kurma dan anggur itu akan dibahagi bersama antara tuan tanah dan petani.

Ibn Qudāmah (1997, jil. 7 : 527) mengatakan bahawa *al-musāqāt* berlaku apabila seorang tuan punya ladang menyerahkan ladangnya kepada orang lain untuk diusahakan bagi kerja-kerja penyiraman dan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan urusan penjagaan ladangnya dengan bayaran kadar tertentu daripada hasil buah-buahan ladang tersebut.

#### 4.3.2.1 Pandangan Sarjana Islam Terhadap Kontrak *Al-musāqāt*

Kontrak *al-musāqāt* adalah satu bentuk kerjasama antara tuan ladang dan petani bagi menjaga pokok-pokok di ladangnya agar tumbuh dengan subur dan mengeluarkan buah hasil penyiraman dan penjagaan yang baik. Bayaran upah yang akan diterima oleh petani ialah hasil buah-buahan daripada ladang tersebut. Sebahagian sarjana Islam menerima kontrak ini dan sebahagiannya pula menolak amalan ini.

##### i. Golongan Menolak Kontrak *Al-musāqāt*

Abū Ḥanīfah (Abū Yūsuf, 1933 : 88-89) berpendapat bahawa kontrak ini tidak dibolehkan. Hujah penolakan Abū Ḥanīfah ini berdasarkan *ḥadīth* Rasulullah ṢAW yang dilaporkan oleh Rāfi<sup>c</sup> bin Khadij yang bermaksud :

Rasulullah ṢAW telah melalui satu kebun. Lalu baginda bertanya kebun ini milik siapa? Lalu Rāfi<sup>c</sup> bin Khadij menjawab "Milik saya dan saya menyewakannya." Lalu Rasulullah ṢAW bersabda "Janganlah kamu menyewakannya dengan hasil daripadanya."

Dari segi logik pula Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa tidak boleh menjanjikan upah kepada petani dalam bentuk hasil kebun yang belum ada kerana hasil kebun untuk bayaran upah itu belum wujud (Al-Kāsānī, 1998, jil. 5 : 269).

##### ii. Golongan Menerima Kontrak *Al-Musāqāt*

Majoriti sarjana Islam iaitu Mālik (1999, jil. 2 : 228), Al-Syāfi<sup>c</sup>ī (2001, jil.4 : 275), Abū Yūsuf (1933 : 89) dan Aḥmad Ibn Ḥanbal (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 7 : 527) berpendirian bahawa amalan *al-musāqāt* dibolehkan. Mereka berpendapat akad ini dibolehkan berdasarkan *ḥadīth* Ibn <sup>c</sup>Umar yang bermaksud :

Rasulullah ṢAW melakukan kerjasama pertanian dengan penduduk Khaybar dengan ketentuan bahawa mereka mendapat sebahagian dari hasil kebun atau pertanian itu.

Menurut Ibn Qudāmah (1997, jil. 7 : 527) majoriti sarjana Islam menerima kontrak *al-musāqat* ini juga atas dasar *ijmā'* kerana kontrak ini diterima oleh ulamak-ulamak terdahulu sebagaimana Abū Ja'far Muḥammad bin 'Alī bin Al-Ḥusain bin 'Alī bin Abī Ṭālib menerimanya daripada bapa-bapa mereka. Ini kerana Rasulullah ṢAW melakukan kontrak kerjasama pertanian dengan orang Khaybar dengan bayaran upah hasil pertanian. Kemudian perkara ini turut dilakukan oleh Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān, 'Alī dan ahli keluarga mereka dengan memberikan kebun mereka untuk diusahakan dengan bayaran pada kadar satu pertiga (1/3) dan satu perempat (1/4).

Selain dalil tersebut kontrak ini dibolehkan kerana umat Islam sangat berhajat kepada kontrak sebegini untuk urusan menjalankan pertanian mereka (Ibn 'Abidīn, 1998, jil. 9 : 344). Dari segi masalah umat Islam pula, kontrak ini adalah satu adat yang biasa diamalkan di kalangan penduduk di beberapa negara dalam bentuk kerjasama antara pemilik tanah yang mempunyai modal iaitu tanah tetapi tiada kepakaran untuk mengusahakan tanah tersebut.

Oleh itu Islam menggalakkan kerjasama antara pemilik tanah dan juga petani yang mempunyai kepakaran untuk mengusahakan tanah pertanian tersebut. Dengan cara itu, akan berlaku kecekapan ekonomi dan menjamin supaya sumber modal menjadi produktif di samping dapat mengelakkan pembaziran sumber. Para fuqaha' berpendapat adat yang tidak bercanggah dengan syarak diterima kerana Rasulullah ṢAW bersabda yang bermaksud apa yang dilihat oleh seorang muslim baik maka di sisi Allah ia juga baik (Al-Suyūfī, 1994 : 119).

#### 4.3.2.2 Rukun Dan Syarat-syarat *Al-Musāqāt*

Majoriti para sarjana Islam yang bersetuju dengan amalan ini telah menetapkan bahawa rukun kontrak ini ialah *sighah ijāb* dan *qabūl* (Al-Kāsānī, 1998, jil. 5 : 269-271). Manakala beberapa syarat lain ditetapkan sebagai langkah untuk menjamin kepentingan tuan tanah dan buruh iaitu para petani. Rukun dan syarat tersebut ialah :



### **i. Pihak Yang Melakukan Transaksi**

Syarat-syarat yang ditetapkan oleh mereka ialah kedua-dua belah pihak yang melakukan transaksi *al-musāqāt* haruslah orang yang *akil baligh*.

### **ii. Pekerjaan Dari Pihak Petani**

Spesifikasi pekerjaan petani di kebun tersebut ialah menyiram pokok. Mālik pula berpendapat bahawa petani digalakkan melakukan kerja-kerja lain yang biasa dilakukan di kebun yang berkaitan dengan kerja-kerja perladangan seperti membina pagar, mencantas pokok, memungut buah dan sebagainya (Sahnūn, t.t, jil. 3 : 563-564).

### **iii. Pokok Yang Dijadikan Objek *Al-musāqāt***

Ibn ʿAbidin (1998, jil. 8 : 344) berpendapat bahawa *al-musāqāt* boleh dilakukan sama ada bagi pokok-pokok yang berbuah seperti kurma, anggur dan sebagainya mahupun pokok yang tidak berbuah seperti bawang dan *zafarān*, sekiranya perkara tersebut adalah tuntutan masyarakat dalam kegiatan ekonomi mereka.

Ibn Qudāmah (1997, jil. 7 : 530-531) berpendapat harus dilakukan kontrak bagi kebanyakan pokok yang berbuah dan boleh digunakan. Oleh sebab itu, mereka berpendapat *al-musāqāt* tidak boleh dilakukan terhadap pokok yang tidak berbuah.

Manakala Al-Syāfiʿī (2001, jil. 4 : 274-275) berpendapat bahawa akad *al-musāqāt* boleh dilakukan terhadap pokok kurma dan anggur sahaja, sebagaimana yang difahami daripada *ḥadīth* yang bermaksud :

Rasulullah ṢAW menyerahkan kebun kurma di Khaybar kepada orang Yahudi dengan ketentuan sebahagian dari hasilnya, baik dari buah-buahan maupun biji-bijian menjadi milik orang Yahudi itu.

Selain itu Al-Syāfi' berpendapat bahawa hanya kedua jenis tanaman itu sahaja boleh diadakan kontrak kerana menurut beliau zakat hanya diwajibkan ke atas keduanya. Berhubung dengan pokok yang jenis tidak berbuah seperti pokok berkayu Mālik dan Al-Syāfi' berpendapat tidak harus dilakukan kontrak *al-musāqāt*.

Bagi Al-Dusūqī (1996, jil. 5315-316) pula berpendapat, pokok yang boleh dilakukan kontrak *al-musāqāt* adalah tanaman kekal yang boleh memberikan hasil untuk beberapa kali musim memetik seperti pokok delima, *tin*, *zaitun* dan sebagainya dengan syarat bahawa :

- a. Akad *al-musāqāt* itu dilakukan sebelum buah itu dipetik;
- b. Jangka waktu yang ditentukan adalah jelas ;
- c. Akadnya dilakukan setelah tanaman itu tumbuh; dan
- d. Pemilik tanah tidak mampu menjaga tanamannya.

#### iv. Tempoh Masa Kontrak

Mālik (Saḥnūn, t.t. : Jil. 3 : 566) mengharuskan memulakan kontrak itu sebelum keluar putik buah. Dari segi tempoh masa pula terdapat dua pendapat iaitu sama ada ditentukan tempoh masa atau tidak ditentukan tempoh masa kontrak:

- a. Menurut Mālik (Saḥnūn, t.t, jil. 3 : 570) tempoh masa kontrak hendaklah jelas dan dinyatakan, contohnya tiga tahun, empat tahun dan sebagainya. Oleh itu tidak boleh membiarkan kontrak ini tanpa tempoh masa yang jelas; dan
- b. Al-Zaila'ī (2000, jil. 6 : 442-443) berpendapat bahawa tidak perlu menetapkan tempoh masa dalam kontrak *al-musāqāt* bagi pokok jenis berbuah. Ini kerana musim berbuah suatu tanaman adalah mengikut kebiasaan jenis buah-buahan tersebut dan ianya dimaklumi oleh petani dan tuan punya kebun.

## v. Pembahagian Hasil

Menurut Mālik (Saḥnūn, t.t, jil. 3 : 562) pembahagian hasil kebun bergantung kepada tuan punya kebun dan petani untuk mengagihkan hasil tanaman antara mereka berdua iaitu pada kadar satu perdua ( $1/2$ ) daripada hasil, kurang daripada satu perdua ( $< 1/2$ ) ataupun lebih daripada satu perdua ( $>1/2$ ), dengan syarat tuan punya kebun dan petani bersetuju dan redha dengan ketentuan tersebut.

Sekiranya satu kebun itu ditanam dengan pelbagai pokok buah-buahan seperti buah *tin*, *zaitun*, anggur dan delima maka disyaratkan bagi petani menentukan kadar yang tertentu bagi setiap jenis buah-buahan seperti  $1/2$  daripada hasil buah tin,  $1/3$  daripada hasil buah zaitun,  $1/4$  daripada hasil buah anggur dan  $1/5$  daripada hasil buah delima dengan syarat petani dan tuan kebun mengetahui kadar setiap jenis pokok yang terdapat dikebun tersebut. Sebaliknya jika kedua-duanya tidak mengetahui atau salah seorang sahaja yang tahu, tidak harus dilakukan kontrak (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 7 : 534).

### 4.3.2.3 Hukum-hukum Yang Berkait Dengan *Al-Musāqāt*

Akad *al-musāqāt* akan menjadi *ṣaḥīḥ* jika memenuhi rukun dan syaratnya, dan adakalanya *fāsid* apabila salah satu syarat dari akad *al-musāqāt* tidak dipenuhi.

Al-Kāsānī (1998, jil. 5 : 271-272) berpendapat hukum-hukum yang berkaitan dengan akad-akad *al-musāqāt* yang *ṣaḥīḥ* adalah seperti berikut :

- i. Seluruh pekerjaan yang berkaitan dengan penjagaan tanaman, pengairan kebun dan segala yang diperlukan untuk kesuburan tanaman itu merupakan tanggungjawab petani;
- ii. Seluruh hasil yang diperoleh daripada tanaman itu menjadi milik kedua belah pihak;
- iii. Jika tanah pertanian itu tidak menghasilkan sebarang hasil maka masing-masing tidak mendapat apa-apa hasil;

- iv. Akad *al-musāqāt* yang telah disepakati mengikat kedua-dua belah pihak, sehingga masing-masing tidak boleh membatalkan akad itu kecuali adanya halangan yang membuat tidak mungkin untuk melanjutkan akad yang telah dipersetujui itu. Atas dasar itu, pemilik tanah pertanian berhak untuk memaksa petani untuk bekerja, kecuali ada keuzuran pada diri petani itu; dan
- v. Petani tidak boleh melakukan akad *al-musāqāt* lain dengan pihak ketiga kecuali atas keizinan dari pemilik tanah.

Al-Kāsānī (1998, jil. 5 : 270-271) berpendapat akad *al-musāqāt* boleh menjadi *fāsid* apabila :

- i. Seluruh hasil pertanian disyaratkan menjadi milik salah satu pihak yang berakad;
- ii. Mensyaratkan jumlah tertentu dari hasil tanaman bagi salah satu pihak, misalnya seperdua (1/2) dan sebagainya atau bahagian petani, misalnya dalam bentuk wang;
- iii. Disyaratkan pemilik kebun juga ikut bekerja di kebun itu, bukan petani sahaja; dan
- iv. Disyaratkan bahawa mencangkul tanah menjadi kewajipan petani, kerana dalam akad *al-musāqāt* pekerjaan sebegini bukan menjadi pekerjaan petani, kerana perjanjian dilakukan hanyalah untuk memelihara dan mengairi tanaman bukan memulakan tanaman;

Kontrak *al-musāqāt* yang *fāsid* maka akan menyebabkan perkara berikut (Al-Kāsānī, 1998, jil. 5, 272-273) :

- i. Petani tidak boleh dipaksa untuk bekerja di kebun itu; dan
- ii. Hasil yang dipetik seluruhnya menjadi milik pemilik tanah. Manakala petani tidak akan menerima sebarang hasil dari tanaman itu, sebaliknya dia berhak menerima upah pada kadar yang biasa diterima mengikut nilai upah pasaran buruh di daerah itu (*ajr al-mithl*).

#### 4.3.2.4 Berakhirnya Akad *Al-musāqāt*

Akad *al-musāqāt* berakhir apabila (Al-Kāsānī, 1998, jil. 5, -273) :

- i. Tempoh masa yang dipersetujui dalam akad telah habis;
- ii. Salah satu pihak sama ada tuan punya kebun atau petani meninggal dunia; dan
- iii. Ada halangan yang membuat salah satu pihak tidak boleh melanjutkan akad.  
Contoh halangan yang berlaku ialah petani itu terkenal sebagai seorang pencuri hasil tanaman atau petani itu sakit dan tidak memungkinkan dia untuk bekerja. Jika petani meninggal maka ahli warisnya boleh melanjutkan akad itu jika tanaman itu boleh dipetik hasilnya. Sekiranya pemilik tanah yang meninggal dunia, maka pekerjaan petani harus dilanjutkan. Jika kedua-dua belah pihak yang berakad meninggal dunia, kedua-dua belah pihak ahli waris boleh memilih untuk meneruskan akad atau menghentikannya.

Menurut Ibn Qudāmah (1997, jil. 7 : 546), akad *al-musāqāt* ialah akad yang tidak mengikat kedua-dua belah pihak. Oleh sebab itu pihak masing-masing boleh membatalkan akad tersebut. Jika pembatalan akad itu dilakukan setelah pokok berbuah, maka buah itu dibahagi dua bahagian antara pemilik tanah dan petani sesuai dengan kesepakatan yang telah ada.

#### 4.4 Bentuk-Bentuk Penyewaan Tanah Pertanian

Bagi penyewaan tanah pula terdapat perbincangan yang luas tentang bentuk-bentuk penyewaan tanah dalam Islam yang dibincangkan oleh para sarjana Islam. Perbincangan para sarjana Islam ini adalah berdasarkan beberapa perkara berkaitan dengan tanah dan bentuk bayaran sewa iaitu:

- i. Menyewa tanah pertanian kosong yang belum bertanam dengan bayaran wang atau benda-benda yang berharga. Sewa dalam bentuk begini dikenali sebagai *ijārah* atau *kirā'*; dan

- ii. Menyewa tanah pertanian kosong yang belum bertanam dengan bayaran hasil pertanian dari tanah tersebut nanti. Kontrak ini dinamakan *muzāra'ah*.

#### 4.4.1 Sewa Tanah Atas Dasar Kontrak *Ijārah* Atau *Kirā'*

Bagi sewa tanah pertanian atas dasar kontrak *ijārah* atau *kirā'*, bayarannya adalah dengan wang atau barang bernilai. Sewa tanah dengan bayaran wang atau barang bernilai diterima oleh majoriti sarjana awal Islam.

##### 4.4.1.1 Sewa Tanah Dengan Bayaran Wang

Majoriti sarjana Islam berpendapat boleh menyewakan tanah dengan emas dan perak seperti Mālik (1999, jil. 2 : 235-236), Al-Syāfi'ī (2001, jil. 4 : 294) dan Ibn Qudāmah, 1997, jil. 7 : 569).

Mereka berpendapat bahawa boleh menyewakan tanah dengan wang ini berlandaskan beberapa *hadīth* Rasulullah ﷺ yang bermaksud (Mālik, 1999, jil. 2 : 235-236),

- i. Ḥanzlah bin Qais melaporkan bahawa Rāfi' ibn Khadīj memberitahu bahawa Rasulullah melarang menyewakan tanah pertanian. Ḥanzlah berkata lalu aku bertanya Rāfi' ibn Khadīj bagaimana dengan emas dan perak? Lalu Rāfi' Ibn Khadīj berkata tidak mengapa dengan emas dan perak;
- ii. Ibn Syihāb memberitahu bahawa beliau bertanya Sa'īd bin Musayyab tentang menyewakan tanah dengan emas dan perak lalu Sa'īd berkata sewaan sebegini boleh dilakukan; dan
- iii. Ibn Syihāb telah bertanya Sālim bin 'Abd Allāh bin 'Umar tentang menyewakan tanah pertanian. Lalu beliau berkata "Boleh disewakan dengan emas dan perak." Ibn Syihāb bertanya, "Apa pendapat kamu tentang *hadīth* yang disebut oleh Rāfi' ibn Khadīj?" Katanya "Banyak yang keliru, sekiranya aku mempunyai tanah pertanian aku akan menyewakannya dengan emas dan perak".

#### 4.4.1.2 Sewa Tanah Dengan Bayaran Barang Yang Bernilai

Menurut Al-Syāfi'ī (2001, jil. 4 : 294), selain bayaran sewa tanah dengan wang, petani juga boleh membayar sewa tanah dengan barangan lain yang bernilai seperti makanan. Contohnya ialah bayaran sewa tanah dengan buah tamar dan buah-buahan yang lain yang boleh dijual beli.

Walau bagaimanapun Mālik (1999, jil. 2 : 236) berpendapat tidak boleh menyewakan tanah pertanian dengan bayaran makanan seperti buah tamar atau hasil pertanian dari tanah tersebut mahupun barangan lain yang bukan dari hasil tanah pertanian tanah itu.

#### 4.4.1.3 Syarat-Syarat Penyewaan Tanah

Para sarjana Islam membincangkan beberapa syarat berkaitan penyewaan tanah bagi memastikan kepentingan tanah terpelihara, iaitu :

##### i. Tanah Dan Jenis Tanaman

Menurut Ibn Qudāmah (1997, jil. 8 : 59), petani mesti melihat tanah yang ingin disewanya kerana keadaan tanah adalah tidak sama dan manfaat tanah itu berbeza berdasarkan keadaan tanah. Tuan tanah dan petani juga mesti maklum apakah jenis tanaman yang akan ditanam pada tanah tersebut.

Petani bertanggungjawab menjaga kesuburan tanah. Contohnya petani menyewa tanah dengan niat menanam gandum. Kemudian dia menanam *syaf'ir* ataupun bijian yang lain selain gandum. Bagi kes seperti ini sekiranya tanaman yang ingin ditanam oleh petani itu lain daripada yang dipersetujui dengan tuan tanah dibolehkan, selagi tanaman tersebut tidak akan merosakkan tanah.

Sekiranya tanaman yang ditanam itu mengurangkan kesuburan tanah lebih banyak berbanding tanaman yang sepatutnya ditanam dan dipersetujui, maka dia tidak boleh

menanam tanaman tersebut. Tuan tanah berhak menyuruh petani menanam tanaman yang telah dipersetujui atau tanaman lain yang kurang merosakkan tanah (Al-Syāfi<sup>ḥ</sup>, 2001, jil. 4 : 298).

## ii. Tempoh Masa Sewaan Tanah

Tempoh masa bagi penyewaan tanah mestilah jelas antara petani dan tuan tanah. Malah tanaman yang hendak ditanam di tanah tersebut juga mestilah sesuai dengan tempoh sewaan. Menurut Al-Syāfi<sup>ḥ</sup> (2001, jil. 4 : 295) sekiranya seorang petani menyewa tanah untuk tempoh setahun dan petani itu menanam tanaman yang mengambil masa lebih dari setahun untuk membuah hasil, kontrak sewa sebegini dianggap *fāsid*. Sekiranya petani menyewa tanah untuk tempoh beberapa tahun yang tertentu dan hasil tanaman dapat dikutip lebih awal daripada tarikh sewa tamat, tuan tanah tidak boleh mengambil balik tanah tersebut sehinggalah tamat kontrak sewa tersebut (Al-Syāfi<sup>ḥ</sup>, 2001, jil. 4 : 298).

### 4.4.2 Sewa Tanah Atas Dasar Kontrak *Al-Muzāra<sup>ḥ</sup>*

Sewa tanah atas dasar kontrak *al-muzāra<sup>ḥ</sup>* pula melibatkan bayaran sewa tanah dengan hasil pertanian yang akan ditanam oleh petani. Petani dan tuan tanah pula terikat kepada beberapa syarat bagi mengusahakan pertanian di tanah tersebut.

*Al-Muzāra<sup>ḥ</sup>* dari segi bahasa atas *wazan mufā<sup>ḥ</sup>alah* iaitu kata kerja yang memerlukan keterlibatan kedua-dua pihak untuk melaksanakan kerja tersebut iaitu kerjasama antara pemilik tanah dengan petani bagi mengusahakan pertanian (Lane, 1956, jil.1 bahagian 3: 1226).

Dari segi istilah Al-Dusūqī (1996, jil. 5 : 43-44), mendefinisikannya sebagai persyarikatan dalam pertanian. Ia bukanlah satu kontrak yang lazim sekiranya tanah belum ditanam benih dan memberi upah kepada petani dengan hasil pertanian.



Sebaliknya *al-muzāraʿah* diharuskan apabila meletakkan nilai sewaan tanah dengan wang atau binatang. Tetapi sekiranya diambil hasil pertanian bersekali dengan sewaan wang, maka kontrak ini tidak dibolehkan.

Bagi Al-Zailaʿī (2000, jil. 6 : 429-430) pula, kontrak itu berlaku antara tuan tanah dan petani yang mengusahakan tanah dengan bayaran kepada petani berupa hasil pertanian, ataupun pemilik tanah mengupah petani itu untuk bertanam untuknya di tanah yang dimilikinya dengan upahnya sebahagian daripada hasil pertanian yang akan ditanam itu nanti.

Ibn Qudāmah (1997, jil. 7 : 555) pula mentakrifkannya sebagai kontrak dengan cara tuan tanah menyerahkan tanah pertanian kepada petani untuk diusahakan dan hasilnya dibahagi antara kedua belah pihak yang tersebut di dalam kontrak.

Bagi Al-Syāfiʿī (2001, jil. 4 : 283), *al-muzāraʿah* ialah kerjasama antara petani dan tuan tanah untuk mengusahakan ladang yang belum ditanam dengan tanaman dan upahnya berdasarkan hasil pertanian. Kontrak ini tidak dibolehkan kerana upah yang akan dibayar kepada petani tidak diketahui kerana pokok yang menjadi asas kepada pembahagian hasil belum ada.

Hasil perbincangan para sarjana Islam ini dapatlah disimpulkan bahawa pokok persoalan yang menimbulkan pelbagai pendapat dalam kontrak ini ialah:

- i. Tanah pertanian yang belum ditanam dengan sebarang tanaman oleh tuan punya tanah; dan
- ii. Penetapan bayaran upah kerja petani dan bayaran sewa tanah pertanian dalam bentuk hasil tanaman yang belum wujud. Ini kerana hasil akan diperoleh setelah tanaman ditanam oleh petani setelah mereka bersetuju untuk mengadakan kontrak *muzāraʿah*. Kemungkinan tanaman yang ditanam itu akan tumbuh dan membuah hasil atau tidak, adalah sesuatu yang samar-samar dan tidak pasti.

#### 4.4.2.1 Pendangan Sarjana Islam Terhadap Kontrak *Al-Muzāra'ah*

Kontrak *al-muzāra'ah* telah menimbulkan kontroversi di kalangan para sarjana Islam. Ada golongan yang menerimanya dan ada juga yang menolaknya. Kedua-dua pihak ini memberikan pendapat sama ada boleh atau tidak boleh melakukan penyewaan tanah dengan bayaran hasil tanaman yang belum ditanam dan tidak wujud semasa akad itu dilaksanakan. Kedua-dua hukum tersebut yang membolehkan atau sebaliknya memberi kesan yang besar dalam hukum berkaitan dengan aktiviti pengeluaran pertanian.

#### 4.4.2.2 Golongan Menolak Kontrak *Al-Muzāra'ah*

Abū Ḥanīfah (Abū Yūsuf, 1933: 89 dan Al-Kāsānī, 1998, jil. 5 : 254) berpendapat bahawa *al-muzāra'ah* tidak boleh dilakukan. Menurut beliau akad *al-muzāra'ah* yang menetapkan pembahagian hasil sebanyak seperempat (1/4) atau seperdua (1/2) hukumnya batal. Alasan Abū Ḥanīfah ialah berdasarkan sebuah *ḥadīth* yang dilaporkan oleh Jābir (Al-<sup>c</sup>Asqalāni, 1997, jil. 5 : 28) yang bermaksud :

Penduduk Madinah menyewakan tanah mereka dengan hasil pertanian dalam kadar satu pertiga (1/3), satu perempat (1/4) dan satu perdua (1/2). Lalu Rasulullah ṢAW bersabda sesiapa yang memiliki tanah mestilah mengerjakannya sendiri ataupun memberi pinjam kepada orang lain untuk diusahakannya. Sekiranya beliau tidak melakukan demikian dia mesti menyimpannya.

Al-Syāfi'ī (2001, jil. 4 : 283) juga menolak akad *al-muzāra'ah* kerana upah kerja dengan hasil pertanian yang belum wujud adalah dilarang. Malah Rasulullah ṢAW sendiri melarang akad *al-muzāra'ah* dengan pembayaran satu pertiga (1/3), satu perempat (1/4) dan sebagainya dari hasil pertanian tanah tersebut sebagaimana *ḥadīth* yang dilaporkan oleh Jābir di atas.

Menurut mereka yang menolak *al-muzārah* (Al-Zaila'ī, 2000, jil. 6 : 429-430), objek akad dalam *al-muzārah* belum wujud dan tidak jelas kadarnya. Ini disebabkan upah yang dijadikan untuk petani adalah hasil pertanian yang belum ada (*al-ma'dūm*) dan tidak jelas (*al-jahālah*) ukurannya. Oleh itu, keuntungan yang akan dibahagi sejak dari awal tidak jelas lagi. Ada kemungkinan tiada hasil yang menjadi selepas petani mengerjakan tanah pertanian itu. Ini akan mengakibatkan petani tidak mendapat sebarang imbuhan dari hasil kerjanya.

Objek akad yang bersifat *al-ma'dūm* dan *al-jahālah* inilah yang menyebabkan akad ini tidak sah. Mereka berhujah bahawa *ḥadīth* Rasulullah *ṢAW* yang diriwayatkan oleh majoriti periwayat *ḥadīth* menceritakan tentang amalan Rasulullah *ṢAW* dengan penduduk Khaybar yang dijadikan hujah oleh para fuqaha' yang menerima *al-muzārah* bukanlah akad *al-muzārah*, sebaliknya amalan itu adalah berbentuk *al-kharāj al-muqāsamah* iaitu ketentuan pajak yang harus dibayarkan oleh petani kepada Rasulullah *ṢAW* setiap kali musim menuai.

#### 4.4.2.3 Golongan Menerima Kontrak *Al-muzārah*

Abū Yūsuf (1933 : 88) menerima kontrak *al-muzārah* dengan alasan kontrak ini sama seperti kontrak *muḍārabah* dalam perniagaan. Menurut beliau dalam kontrak *muḍārabah* pemodal menyerahkan modal kepada pengusaha dengan persetujuan kadar keuntungan yang tertentu sama ada satu perdua (1/2) atau satu pertiga (1/3) dan sebagainya. Dalam kontrak tersebut pemodal dan pengusaha tidak dapat menentukan sama ada perusahaan tersebut akan mendapat untung atau rugi dan wujud unsur *gharār* tentang jumlah keuntungan.

Walaupun wujud ketidakpastian tentang untung rugi dalam perniagaan tersebut tetapi majoriti para fuqaha' telah menerima kontrak *muḍārabah*. Abū Yūsuf mengqiayakan tanah sama seperti kedudukan modal dalam kes *muḍārabah*, oleh itu kontrak *al-muzārah* boleh dilakukan.

Abū Yūsuf (1933 : 89-90) menguatkan hujahnya dengan mengemukakan beberapa ḥadīth :

- i. Nafi<sup>c</sup> meriwayatkan daripada <sup>c</sup>Abd Allāh bin <sup>c</sup>Umar daripada <sup>c</sup>Umar menceritakan bahawa Nabi ṢAW melakukan perjanjian dengan penduduk Khaybar dengan membenarkan penduduk Khaybar mengusahakan pertanian dan kebun-kebon tamar dengan bayaran setengah daripada hasil tanaman. Baginda memberikan 100 *wasāq* iaitu 80 *wasāq* tamar dan 20 *wasāq sya'ir* kepada isteri-isteri baginda yang diambil daripada bahagian yang diperolehnya pada setiap tahun. Pada zaman pemerintahan <sup>c</sup>Umar Al-Khaṭṭāb, beliau telah menghalau orang Yahudi daripada Khaybar dan mengagihkan tanah Khaybar kepada umat Islam. Beliau memberi pilihan kepada isteri-isteri Rasulullah sama ada menerima tanah ataupun mendapat 100 *wasāq* hasil pertanian pada setiap tahun. Ada antara isteri Rasulullah ṢAW memilih tanah dan ada juga yang memilih untuk menerima hasil pertanian secara tahunan. Antara isteri baginda yang memilih hasil pertanian ialah <sup>c</sup>Āishah dan Hafṣah.
- ii. <sup>c</sup>Umar bin Dinar pula melaporkan bahawa Abū Ja<sup>c</sup>far telah ditanya tentang cukai pertanian ke atas tanah dan pokok lalu beliau memberitahu bahawa Rasulullah ṢAW membiarkan penduduk Khaybar bercucuk tanam dan menjaga serta mengairi kebun tamar. Apabila tiba musim memetik hasil baginda menghantar <sup>c</sup>Abd Allāh bin Rawāḥah untuk mentaksir setengah hasil yang perlu dihantar kepada Rasulullah ṢAW. Pada suatu tahun berlaku peristiwa orang Yahudi telah mengadu kepada Rasulullah ṢAW bahawa <sup>c</sup>Abd Allāh bin Rawāḥah telah berlaku tidak adil kepada mereka dalam penaksirannya. Lalu Rasulullah ṢAW menyuruh <sup>c</sup>Abd Allāh menaksir kesemua hasil dan menghantar kepada mereka bahagian mereka dalam bentuk wang. Penduduk Khaybar bersetuju dengan cara itu dan tidak merungut lagi.

- iii. Al-Ḥajjaj menceritakan bahawa Abū Jaʿfar melaporkan bahawa Rasulullah ṢAW memberikan tanah Khaybar dengan setengah daripada hasil dan Abū Bakr, ʿUmar dan ʿUthmān memberikan tanah mereka dengan bayaran 1/3 daripada hasil.
- iv. Al-Amʿash melaporkan daripada Ibrāhim bin Muhājir daripada Mūsā bin Ṭalhāh memberitahu bahawa, "Aku melihat Saʿad bin Abī Waqas dan ʿAbd Allāh bin Masʿūd memberikan tanah mereka dengan bayaran 1/3 dan 1/4 daripada hasil".
- v. Al-Ḥajjaj bin Arṭah menceritakan daripada Abū Jaʿfar daripada Rasulullah ṢAW bahawa baginda memberikan Khaybar dengan bayaran setengah, adalah Rasulullah ṢAW, Abū Bakr, ʿUmar dan ʿUthmān memberikan tanah mereka dengan satu pertiga.

Mengikut Al-Khaṭīb Al-Syarbinī (1997, jil. 2 : 416-418), akad *al-muzāraʿah* tidak sah, kecuali apabila *al-muzāraʿah* mengikut pada akad *al-musāqāt*. Maksudnya sekiranya tuan punya kebun mengupah petani menjaga kebunnya atas dasar kontrak *al-musāqāt* dan terdapat tanah kosong di kawasan kebun tersebut, maka petani bolehlah menanam tanaman di situ atas dasar kontrak *al-muzāraʿah*. Ini kerana akad *al-musāqāt* tidak berdiri sendiri, tetapi terikat pada akad *al-musāqāt*.

Ibn Qudāmah (1997, jil. 7 : 555) berpendapat kontrak ini harus dilakukan kerana ia pernah dilakukan oleh para sahabat berdasarkan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah ṢAW dengan orang Khaybar. Malah menurut beliau lagi (1997, jil. 7 : 560), tanah tidak bermanfaat kecuali jika digunakan untuk bercucuk tanam. Sekiranya tuan tanah tidak mampu bercucuk tanam dan petani pula tidak mempunyai tanah, maka seeloknya kedua pihak saling membantu dengan mengadakan kontrak *al-muzāraʿah*.

#### 4.4.2.4 Rukun Dan Syarat *Al-Muzāraʿah*

Menurut Al-Kāsānī (1998, jil. 5 : 255-267) rukun *al-muzāraʿah* ialah *ijāb* dan *qabūl*. Manakala syarat-syarat sahnya kontrak ini meliputi beberapa perkara yang berkaitan :

### **i. Orang Yang Berakad**

Orang yang berakad disyaratkan kedua-duanya harus orang yang telah berakal. Oleh itu tidak sah mengadakan kontrak dengan orang yang gila, kerana orang yang berakal adalah syarat untuk mengadakan kontrak. *Baligh* juga bukan syarat, oleh sebab itu kontrak boleh diadakan dengan kanak-kanak. Begitu juga dengan orang merdeka, ia bukan satu syarat sahnya kontrak tersebut.

### **ii. Benih Dan Tanaman**

Syarat yang berkaitan dengan benih yang akan ditanam harus jelas. Tanaman yang hendak ditanam mestilah sesuai dengan kebiasaan tanah itu. Contohnya jika tanah itu biasanya ditanam dengan kapas maka mestilah petani menanam kapas ditanah tersebut. Kecuali jika tuan tanah memberi kuasa kepada petani untuk menanam apa sahaja, dengan syarat benih yang ditanam itu akan mendatangkan hasil apabila telah ditanam dan dijaga.

### **iii. Hasil Tanaman**

Pembahagian hasil pertanian bagi setiap pihak yang berakad haruslah jelas dan dinyatakan dalam akad serta menjadi milik bersama orang yang berakad, dan tidak boleh disyaratkan salah seorang daripada mereka memiliki kesemua hasil tanaman tersebut.

Pembahagian hasil pertanian ditentukan sama ada setengah, sepertiga atau seperempat sejak dari awal akad, sehingga tidak timbul perselisihan di kemudian hari. Penentuannya tidak boleh berdasarkan jumlah tertentu secara mutlak, seperti satu guni untuk pekerja, kerana kemungkinan seluruh hasil pertanian lebih rendah daripada jumlah itu, atau mungkin juga hasil tanaman melebihi daripada jumlah itu.

#### iv. Tanah

Tanah tersebut disyaratkan, menurut adat di kalangan para petani, boleh diteroka dan bakal membuahakan hasil. Jika tanah itu adalah tanah yang tandus dan kering, sehingga tidak memungkinkan dijadikan tanah pertanian, maka akad *al-muzārah* tidak sah. Tambahan pula sempadan tanah itu juga perlu jelas dan nyata hadnya.

Disyaratkan juga tanah itu diserahkan sepenuhnya kepada petani untuk diteroka. Apabila disyaratkan bahawa pemilik tanah itu turut serta untuk mengusahakan pertanian maka akad *al-muzārah* itu tidak sah.

#### v. Keadaan Kontrak

Objek akad mestilah jelas tentang orang yang menyediakan benih. Sekiranya benih itu disediakan oleh tuan tanah, maka kontrak berbentuk mengupah usaha petani. Sekiranya benih dari pihak petani bererti petani yang menyewa tanah. Sekiranya tidak dijelaskan orang yang patut menyediakan benih, maka tidak diketahui dengan jelas sama ada kontrak itu berbentuk sewaan tanah atau upah tenaga. Situasi yang sebegini boleh menyebabkan kontrak tidak sah.

#### vi. Tempoh Masa

Syarat yang berkait dengan tempoh waktu harus juga dijelaskan dalam akad pada peringkat awal lagi, kerana akad *al-muzārah* sebenarnya mengandungi makna akad *al-ijārah* dengan bayaran berbentuk hasil pertanian. Oleh sebab itu jangka waktunya harus jelas. Untuk penentuan tempoh waktu ini, biasanya disesuaikan dengan adat kebiasaan setempat. Tetapi waktu tidak boleh dipanjangkan sehingga ke suatu tempoh yang secara logiknya petani atau tuan tanah tidak akan hidup selama itu seperti menetapkan tempoh akad itu selama 60 tahun.

#### 4.4.2.5 Bentuk-bentuk *Al-Muzārah*

Dalam amalan kontrak *al-muzārah*, terdapat tiga bentuk amalan yang diharuskan dan satu bentuk tidak diharuskan. Amalan ini berkait dengan sumbangan oleh pihak petani dan juga pihak tuan tanah untuk satu-satu projek tanaman (Al-Kāsānī, 1998, jil. 5 : 260):

- i. Tuan tanah menyediakan tanah, benih dan peralatan. Manakala petani pula menyumbangkan kerja untuk mengusahakan tanaman. Dalam kes seperti ini tuan tanah adalah majikan yang mengupah petani;
- ii. Tuan tanah menyediakan tanah. Benih, peralatan dan tenaga kerja adalah dari pihak petani;
- iii. Tuan tanah menyediakan tanah dan benih manakala petani pula memberi sumbangan tenaga kerja dan peralatan; dan
- iv. Sekiranya tuan tanah menyediakan tanah dan peralatan, petani pula menyediakan benih dan tenaga kerja amalan seperti ini tidak dibolehkan.

Secara ringkas bentuk-bentuk *al-muzārah* tersebut boleh digambarkan oleh Jadual 4.1.



Jadual 4.1 Bentuk-bentuk Kontrak *Al-Muzārah*

Bentuk Kontrak	Tanggungjawab	Tuan Tanah	Petani
Bentuk Pertama (sah)	Menyediakan Tanah		
	Menyediakan benih		
	Menyumbang tenaga/kerja		
	Menyediakan peralatan		
Bentuk Kedua (sah)	Menyediakan Tanah		
	Menyediakan benih		
	Menyumbang tenaga/kerja		
	Menyediakan peralatan		
Bentuk Ketiga (sah)	Menyediakan Tanah		
	Menyediakan benih		
	Menyumbang tenaga/kerja		
	Menyediakan peralatan		
Bentuk Keempat (Tidak sah)	Menyediakan Tanah		
	Menyediakan benih		
	Menyumbang tenaga/kerja		
	Menyediakan peralatan		

Sumber : Diubah suai dari Al-Kāsānī, 1998, *Badā' Al-Ṣana'i'*, jil. 5, Lubnan : Dār Iḥyā' Al-Turāth Al-ʿArabī, hal 260.

Petunjuk: Petak bertanda hitam adalah sumbangan pihak-pihak yang terlibat dalam kontrak *muzārah*.

#### 4.4.2.6 Pelaksanaan Akad *Al-muzārah*

Bagi kontrak *al-muzārah* yang telah memenuhi rukun dan syaratnya, petani dan tuan tanah mesti menjalankan tanggungjawab masing-masing sebagaimana berikut (Al-Kāsānī, 1998, jil. 5 : 264-265):

- i. Petani bertanggungjawab melakukan kerja-kerja penanaman dan berkaitan penjagaan tanaman;
- ii. Kos pertanian seperti merumput, penuaian, serta pembersihan tanaman ditanggung oleh petani dan pemilik tanah sesuai dengan peratus bahagian masing-masing;

- iii. Hasil tanaman dibahagi sesuai dengan kesepakatan kedua-dua belah pihak. Sekiranya tanaman tidak menjadi kedua-duanya juga tidak mendapat sebarang hasil. Petani tidak akan mendapat upah kerja dan tuan tanah juga tidak mendapat upah penggunaan tanahnya;
- iv. Pengairan dilaksanakan sesuai dengan kesepakatan kedua belah pihak. Sekiranya petani dan tuan tanah tidak mencapai sebarang kesepakatan, pengairan untuk tanaman itu mestilah mengikut kebiasaan di tempat masing-masing. Apabila kebiasaan tanah itu diairi dengan air hujan, kedua-dua pihak tidak boleh dipaksa untuk mengairi tanah itu dengan pengairan. Sekiranya tanah pertanian itu biasanya diairi melalui pengairan, sedangkan dalam akad disepakati menjadi tanggungjawab petani, maka petani bertanggungjawab mengairi pertanian itu dengan pengairan; dan
- v. Apabila salah seorang meninggal dunia sebelum musim mengutip hasil tanaman, akad tetap berlaku sampai masa menuai. Orang yang meninggal diwakili oleh ahli warisnya, kerana jumbuh ulama' berpendapat bahawa akad upah mengupah (*al-ijārah*) bersifat mengikat kedua-dua belah pihak dan boleh diwariskan. Oleh sebab itu, menurut mereka, kematian salah satu pihak yang berakad tidak membatalkan akad ini.

#### 4.4.2.7 Penamatan Akad *al-muzārah*

Akad *al-muzārah* akan berakhir apabila berlaku perkara-perkara berikut:

##### i. Tempoh Kontrak Berakhir

Kontrak tamat apabila sampai tempoh perjanjian. Walau bagaimanapun, sekiranya tempoh kontrak sudah tamat, sedangkan hasil pertanian itu belum boleh dipetik, akad mesti diteruskan hinggalah musim menuai. Oleh sebab itu, dalam menunggu musim

memetik tanaman itu, petani berhak mendapatkan upah mengikut kadar upah minimum pasaran buruh setempat.

Dalam tempoh menunggu masa menuai, segala kos pertanian seperti merumput, kos pemeliharaan dan pengairan merupakan tanggungjawab bersama antara pemilik tanah dan petani, sesuai dengan peratus pembahagian masing-masing ( Ibn <sup>c</sup>Ābidīn, 1998, jil. 9 : 338).

## ii. Kematian Orang Yang Berakad

Al-Kāsānī (1998, jil. 5 : 268) berpendapat bahawa apabila salah seorang yang berakad meninggal dunia, contohnya tuan tanah meninggal dunia selepas menyerahkan tanahnya kepada petani untuk tempoh tiga tahun, tanah tersebut hendaklah dibiarkan di bawah pengurusan petani sehinggalah waktu menuai hasil tanaman. Kemudian hasil mestilah dibahagikan antara petani dan pihak waris tuan tanah. Sekiranya petani yang meninggal dunia, warisnya tidak dipaksa untuk meneruskan kerja-kerja pertanian yang terbengkalai dengan kematian petani itu.

## iii. Keuzuran Orang Yang Berakad

Menurut Al-Kāsānī (1998, jil. 5 : 266) keuzuran salah satu pihak, baik dari pihak pemilik tanah mahupun dari pihak petani akan menyebabkan mereka tidak boleh melanjutkan akad *al-muzāraʿah* itu. Contohnya keuzuran dari pihak pemilik tanah yang terbeban dengan hutang. Beliau terpaksa menjual tanah tersebut untuk melangsaikan hutangnya jika tidak memiliki harta yang lain. Pembatalan kontrak *muzāraʿah* ini harus dilaksanakan melalui campur tangan hakim. Sekiranya tumbuh-tumbuhan itu telah berbuah, tetapi belum tiba musim menuai, tanah itu tidak boleh dijual sehingga tibanya musim menuai. Manakala bagi pihak petani pula, keuzuran boleh berbentuk seperti sakit atau harus melakukan perjalanan ke luar daerah, sehingga beliau tidak mampu melaksanakan pekerjaannya.

#### 4.5 Kesimpulan

Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa, bagi penyewaan buruh dan penyewaan tanah pertanian dalam Islam, terdapat peraturan dan panduan yang khusus untuk diamalkan. Secara ringkasnya terdapat dua bentuk upah buruh pertanian dalam Islam iaitu :

- i. Upah buruh untuk melakukan sebarang kerja-kerja pertanian dengan bayaran wang atau barangan yang berharga. Upah buruh ini dibuat atas dasar kontrak *ijārah*; dan
- ii. Upah buruh untuk melakukan kerja-kerja pertanian yang khusus seperti penjagaan pokok dengan bayaran hasil pertanian. Kontrak ini dinamakan *al-musāqāt*.

Begitu juga terdapat dua bentuk penyewaan tanah dalam Islam iaitu :

- i. Penyewaan tanah dengan bayaran wang atau barangan lain yang berharga. Penyewaan tanah ini dibuat atas dasar kontrak *ijārah*; dan
- ii. Penyewaan tanah dengan bayaran hasil tanaman itu sendiri. Kontrak ini dikenali sebagai *al-muzārah*.

Pada masa sekarang petani lebih suka menyewa tanah dengan bayaran wang kerana kontrak sebegini memudahkan urusan antara petani dan pemilik tanah. Petani membayar harga sewaan tanah yang telah ditetapkan kepada tuan tanah dan petani bebas menanam apa sahaja tanaman di atas tanah tersebut. Sekiranya petani memperoleh hasil yang banyak kesemua hasil menjadi miliknya dan tuan tanah tidak berhak apa-apa ke atas hasil tanaman itu kerana tuan tanah telah diberikan wang sewaan tanah.